Allianz General Insurance Co (M) Bhd lwn Mohd Fauzi bin Abdul Manaf @ Wahi dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — SAMAN PEMULA NO 24–148–02 TAHUN 2014
AZIMAH OMAR PK
22 JUN 2015

Insurans — Polisi — Kemalangan jalan raya — Liabiliti pihak insurans — Sama ada pihak insurans bertanggungan — Sama ada perlindungan insurans boleh dipindah milik — Sama ada polisi insurans luput kuat apabila kereta dijual — Tanggungan vikarius — Sama ada liabiliti wujud pada pihak ketiga untuk ditanggung oleh pihak insurans — Sama ada polisi insurans terbatal dan tidak sah

Satu kemalangan jalan raya berlaku melibatkan motosikal WPY 3751 dan motosikal BJJ 5763. Penunggang motosikal WPY 3751 ('Wanto') menuntut di mahkamah sesyen terhadap defendan pertama dan ketiga, masing-masing sebagai penunggang motosikal BJJ 5763 dan pemilik berdaftar motosikal tersebut untuk tuntutan ganti rugi am dan khas ('tuntutan sivil'). Defendan keempat ('Wanto') memohon dijadikan pihak defendan dalam saman pemula ini kerana dia adalah pihak yang menuntut dalam guaman sivil di mahkamah sesyen. Plaintif menafikan tanggungannya terhadap kemalangan kerana mendakwa bahawa motosikal BJJ 5763 tidak lagi dilindungi oleh insurans plaintif semasa kemalangan tersebut. Menurut Logan Loss Adjusters ('adjusters'), defendan ketiga telah menjual motosikal tersebut kepada defendan pertama pada sekitar tahun 2009 atau 2010 sebelum kemalangan tersebut berlaku. Semasa kemalangan berlaku, polisi yang dikeluarkan plaintif kepada defendan ketiga tersebut tidak lagi mempunyai kuat kuasa dan adalah terbatal. Plaintif memfailkan saman pemula (kandungan 1) terhadap defendan pertama hingga ketiga bagi deklarasi agar plaintif dibenarkan mengelak liabiliti di bawah polisi insurans yang telah luput, terbatal, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

Diputuskan, membenarkan permohonan dengan kos sebanyak RM2000:

(1) Apabila seorang tuan punya kereta menjual keretanya, polisi insurans secara automatik luput kuat kuasanya dan tidak lagi boleh dikuatkuasakan. Undang-undang berkenaan polisi insurans di dalam hal penjualan mana-mana kenderaan adalah jelas dan jitu. Polisi yang dikeluarkan oleh plaintif sebagai penanggung insurans dan defendan ketiga iaitu pihak yang diinsuranskan adalah satu kontrak persendirian yang nyata tidak boleh dipindah milik dan/atau diganti nama. Defendan

ketiga telah menjual motosikal tersebut kepada defendan pertama dan juga telah mengaku bahawa tidak memaklumkan fakta ini kepada plaintif. Dia tidak menukar nama pemilik motosikal tersebut kepada nama pemilik baru kerana defendan pertama sebagai pembeli ingin menunggu cukai jalan dan polisi insurans tamat tempoh (lihat perenggan 26–28).

(2) Plaintif berhak mendapat deklarasi yang dipohon. Plaintif tidak boleh diletakkan tanggungan atau liabiliti dalam kes tuntutan kecederaan diri yang dialami defendan keempat kerana polisi insurans yang dikeluarkan adalah kepada defendan ketiga secara peribadi iaitu pemegang polisi dan bukannya defendan pertama yang telah membeli motosikal BBJ 7653 daripada defendan ketiga sejak tahun 2009 atau 2010 (lihat perenggan 29 & 33).

(3) Jelas dibuktikan oleh plaintif melalui laporan oleh adjusters atas kemalangan dan surat-surat pengakuan oleh defendan ketiga dan defendan pertama bahawa motosikal itu telahpun dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama sebelum kemalangan berlaku dan plaintif langsung tidak mengetahui transaksi ini sehingga kes tuntutan kemalangan difailkan di mahkamah sesyen dan satu penyiasatan dijalankan oleh plaintif. Apabila kenderaan yang diinsuranskan oleh plaintif bagi kepentingan defendan ketiga dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama, plaintif bukanlah lagi 'insurer concerned' atas sebab polisi insurans adalah peribadi buat pemegang polisi iaitu defendan ketiga dan defendan pertama tidak boleh mendapat apa-apa keuntungan atau kepentingan dalam polisi insurans yang dikeluarkan kepada defendan ketiga oleh plaintif (lihat perenggan 36).

(4) Motosikal yang diinsuranskan oleh plaintif ditunggang oleh seorang yang tidak mendapat kebenaran (non-authorised driver) dan oleh itu, plaintif sebagai penginsurans defendan ketiga tidak mempunyai apa-apa tanggungan kerana defendan ketiga tidak bertanggungan dalam kejadian kemalangan dengan defendan keempat memandangkan motosikal tersebut telah dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama sebelum kemalangan tersebut berlaku. Defendan ketiga sebagai pemegang polisi tidaklah bertanggungan secara vikarius terhadap defendan pertama yang menunggang motosikal tersebut apabila kemalangan berlaku. Tidak wujud liabiliti atas defendan ketiga untuk ditanggung oleh plaintif (lihat perenggan 37–38 & 40).

[English summary

A road accident occurred involving a motorcycle WPY 3751 and another motorcycle BJJ 5763. The rider of the motorcycle WPY 3751 ('Wanto') claimed in the sessions court against the first and third defendants, respectively, in their capacity as the rider of BJJ 5763 and the registered owner of the said

motorcycle for general and specific damages ('civil claim'). The fourth defendant ('Wanto') applied to be the third party in the present originating summons as he was the party who made a civil claim in the sessions court. The plaintiff denied liability of the accident as it claimed the motorcycle BJJ 5763 was no longer covered by the plaintiff's insurance when the accident occurred. According to Logan Loss Adjusters ('adjusters'), the third defendant sold the said motorcycle to the first defendant around 2009 or 2010 before the accident took place. When the accident occurred, the policy issued by the plaintiff to the third defendant no longer had effect and was void. The plaintiff filed this originating summon ('kandungan 1') against the first defendant for a declaration that the plaintiff was allowed to waive liability under the insurance policy which had expired, was void and illegal and could not be enforced.

Held, allowing the application with costs of RM2000:

(1) When a car owner sells his car, the insurance enforceability of the policy automatically expires and could not be enforced. The laws concerning insurance policy in the sale of any vehicle is clear and accurate. The policy issued by the plaintiff as the insurance holder and the third defendant as the insured party was a private contract which clearly could not be transferred and/or have the name replaced. The third defendant sold the said motorcycle to the first defendant and had admitted to not informing this fact to the plaintiff. He did not change the name of the motorcycle's owner to the name of the new owner as the first defendant, as a buyer wanted to wait for the expiry of the road tax and insurance policy (see paras 26–28).

(2) The plaintiff was entitled to the declaration sought for. The plaintiff could not be burdened with liability in this claim for injuries sustained by the fourth defendant as the insurance policy issued was to the third defendant personally as policy holder and not the first defendant who had purchased BBJ 7653 from the third defendant since 2009 or 2010 (see paras 29 & 33).

(3) It was clearly proved by the plaintiff via a report by adjusters on the accident and letters of admission by the first and third defendants that the motorcycle was sold by the third defendant to the first defendant before the accident occurred and the plaintiff was not aware of this transaction until the claim was filed in the sessions court and an investigation was carried out on the plaintiff. When the vehicle insured by the plaintiff for the benefit of the third defendant was sold by the third defendant to the first defendant, the plaintiff was no longer the insurer concerned on the ground that the insurance policy was personal for the policy holder, which was the third defendant and the first defendant could not gain any profit or interest in the insurance policy issued to the third defendant by the plaintiff (see para 36).

(4) The motorcycle insured by the plaintiff was ridden by a 'non-authorised driver' and therefore, the plaintiff as the third defendant's insurer did not have any liability as the third defendant was not liable for the accident with the fourth defendant since the motorcycle was sold by the third defendant to the first defendant before the accident occurred. The third defendant, as a policy holder, was not vicariously liable against the first defendant who had rode the motorcycle when the accident happened. There was no liability against the third defendant to be carried by the plaintiff (see paras 37–38 & 40).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai polisi secara am, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 465.

Kes-kes yang dirujuk

AM General Insurance Bhd v Sharul Ahmad & Anor [2015] 1 CLJ 532, MT (dirujuk)

Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v Queensland Insurance Co Ltd [1975] 1 MLJ 269 (dirujuk)

Badruzamani bin Azmi v Kurnia Insurans (M) Bhd [2001] 6 MLJ 481; [2001] 4 CLJ 280, MT (dirujuk)

Bibendum Sdn Bhd v Amanah Scott Properties (KL) Sdn Bhd [2011] AMCR 792, MT (dirujuk)

Kurnia Insurans (Malaysia) Berhad v Personal Representative of Zenol Saad & Ors [2013] 1 LNS 239, MT (dirujuk)

Malaysia & Nippon Insurans Bhd v Low Buck Ngoh & Anor [2005] 5 MLJ 779; [2005] 7 CLJ 11, MT (dirujuk)

Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Lim Tiok [1997] 2 CLJ 351, MP (dirujuk)

New India Assurance Co LTD v Simirah [1966] 2 MLJ 1, MP (dirujuk)

Peters v General Accident & Life Insurance Corpn Ltd [1937] 4 All ER 628, KB (dirujuk)

Roslan bin Abdullah v New Zealand Insurance Co Ltd [1981] 2 MLJ 324, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 ss 91(1)(b), 96, 96(1), (2), (2)(a), (3),

Jaswinder Kaur (Muaz bersamanya) (Othman Hashim & Co) bagi pihak plaintif.
Roslinda Yahya (Gunaseharan & Linda) bagi pihak defendan.

Azimah Omar PK:

(Kandungan 1 - saman pemula)

[1] Plaintif (Allianz General Insurance Co (M) Bhd) telah memfailkan saman pemula (kandungan 1) ini pada 6 Februari 2014, pada awalnya terhadap defendan pertama hingga defendan ketiga bagi mendapatkan suatu deklarasi bahawa plaintif dibenarkan mengelak liabiliti di bawah polisi insurans motosikal No 11 VKJ904372 yang melindungi motosikal No BJJ 5763 dan juga untuk suatu deklarasi bahawa polisi insurans motosikal No 11VKJ904372 tersebut telahpun luput dan/atau terbatal dan/atau tidak sah dan/atau tidak boleh dikuatkuasakan.

[2] Namun, kemudiannya melalui perintah mahkamah bertarikh 28 November 2014, Wanto telah dijadikan sebagai pihak dan menjadi defendan keempat di dalam prosiding ini.

[3] Fakta ringkas yang menyebabkan plaintif memfailkan kandungan 1 ini adalah seperti berikut:

(a) pada 20 April 2011, satu kemalangan jalan raya telah berlaku melibatkan motosikal WPY 3751 dan motosikal BJJ 5763;

(b) lanjutan daripada itu, penunggang motosikal WPY 3751 iaitu Wanto telah memfailkan satu tuntutan sivil di Mahkamah Sesyen Shah Alam terhadap defendan pertama (Mohd Fauzi bin Abdul Manaf@Wahi) dan defendan ketiga (Johaidey Nasution bin Johan) masing-masing sebagai penunggang motosikal BJJ 5763 dan pemilik berdaftar motosikal BJJ 5763 untuk tuntutan ganti rugi am dan khas ('tuntutan sivil tersebut'). Motosikal BJJ 5763 tersebut telah dijual kepada Kedai Motor Kian Huat pada sekitar bulan Oktober 2011 dan menurut rekod pemilik terkini motosikal tersebut adalah defendan kedua (Muhammad Zulhilmi bin Norazlan);

(c) motosikal BJJ 5763 ('motosikal tersebut') dilindungi di bawah Polisi Insuran Motosikal No 11VKJ904372 ('polisi tersebut') yang dikeluarkan oleh pihak plaintif di atas nama defendan ketiga bagi tempoh 9 Februari 2011 sehingga 8 Februari 2012;

(d) namun, tanpa pengetahuan plaintif, defendan ketiga telah menjualkan motosikal tersebut kepada defendan pertama pada sekitar tahun 2009 atau tahun 2010 sebelum tarikh kemalangan;

(e) defendan keempat (Wanto) telah memohon untuk dijadikan pihak defendan di dalam saman pemula ini atas alasan bahawa beliau adalah plaintif atau pihak yang menuntut di dalam Guaman Sivil No A53–267–06 tahun 2013 yang difailkan Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 6 Jun 2013; dan

(f) walaupun kandungan 1 dan afidavit sokongannya telah diserahkan kepada defendan pertama, kedua dan ketiga, namun ketiga-tiga

defendan tersebut telah tidak memasukkan kehadiran untuk menentang permohonan plaintif. Hanya defendan keempat (Wanto) telah memfailkan afidavit bagi menentang permohonan plaintif. Bagi maksud permohonan plaintif di dalam kandungan 1 ini, defendan keempat selepas ini akan dirujuk sebagai 'defendan'.

[4] Plaintif menafikan tanggungannya terhadap kemalangan yang berlaku atas alasan bahawa semasa kemalangan tersebut motosikal BJJ 5763 tidak lagi dilindungi oleh insurans plaintif. Menurut plaintif setelah diserahkan dengan tuntutan saman oleh cefendan, plaintif telah melantik penyelaras Logan Loss Adjusters ('adjusters') untuk membuat siasatan kemalangan. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, adjusters telah mendapati bahawa defendan ketiga pada sekitar tahun 2009 atau 2010 telah menjual motosikal tersebut kepada defendan pertama pada harga RM 2000 tanpa pengetahuan plaintif. Transaksi jual beli tersebut telah dibuat secara tunai tanpa sebarang perjanjian bertulis antara kedua penjual (defendan ketiga) dan pembeli (defendan pertama) serta tiada pertukaran nama pemilik motosikal tersebut dilaksanakan.

[5] Laporan penuh adjusters bertarikh 30 Disember 2015 telah dikemukakan oleh adjusters kepada plaintif dan dieksibitkan sebagai Eksh F-Kandungan 2 (afidavit sokongan).

[6] Justeru, adalah menjadi tegasan plaintif bahawa semasa kemalangan berlaku polisi yang dikeluarkan plaintif kepada defendan ketiga tersebut tidak lagi mempunyai kuat kuasa dan adalah terbatal.

[7] Plaintif telah menghujahkan bahawa polisi insurans adalah satu kontrak persendirian yang tidak boleh dipindah milik dan/atau diganti nama dan bagi menyokong hujahannya, peguam plaintif telah merujuk kepada mahkamah ini kepada beberapa kes sebagai autoriti:

(a) *Peters v General Accident & Life Insurance Corpn Ltd* [1937] 4 All ER 628 di mana mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

(i) when the vendor sold the car, the insurance policy automatically lapsed.

(ii) at the time of the accident, the purchaser could not be said to be driving the car by the order or with the permission of the vendor, as the car was then the purchaser's own property.

(iii) the insured is not entitled to assign his policy to a third party. An insurance policy is a contract of personal indemnity, and the insurers cannot be compelled to accept responsiblility in respect of a third party who may be quite unknown to them.

(b) *New India Assurance Co LTD v Simirah* [1966] 2 MLJ 1 di mana

Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa:

On the evidence in this case the ownership of the car had passed to Chong and therefore the insurers were not liable to satisfy the judgment.

(c) *Roslan bin Abdullah v New Zealand Insurance Co Ltd* [1981] 2 MLJ 324. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan berikut:

(1) In this case, once ownership of the truck changed the insurance policy lapsed unless there was novation of the policy, which was not alleged. The driver of the truck was not covered by the insurance policy as there was no insurance policy at the same of the accident.

(2) the claim ...

(d) *Kurnia Insurans (Malaysia) Berhad v Personal Representative of Zenol Saad & Ors* [2013] 1 LNS 239. Dengan merujuk kepada kes-kes *Peters v General Accident & Life Insurance Corpn Ltd* [1937] 4 All ER 628, *Roslan bin Abdullah v New Zealand Insurance Co Ltd* [1981] 2 MLJ 324 dan *Bibendum Sdn Bhd v Amanah Scott Properties (KL) Sdn Bhd* [2011] AMCR 792, Yeoh Wee Siam H telah menyatakan berikut:

... it is clear that upon the sale of the car by the Deceased to R2, and in the absence of any evidence of novation of the Policy, the insurable interest of the Deceased ceased. The policy automatically lapsed. The Deceased could not assign his Policy to R2 or any third party. Therefore, the insurers or the Applicant cannot be held responsible in respect of the third party such as R3 and R4.

[8] Plaintif juga telah bersandar kepada s 96(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') yang memperuntukkan berikut:

96 (1) Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)(b) (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, membayar kepada orang yang berhak mendapat faedah penghakiman ini, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.

[9] Di samping itu, plaintif juga telah menghujahkan bahawa polisi insurans tersebut adalah untuk melindungi si diinsurans dan penanggung yang dibenarkan sahaja. Maka, bagi kemalangan yang berlaku antara defendan pertama dan defendan, plaintif adalah tidak bertanggungan atau tidak

mempunyai apa-apa liabiliti kerana polisi tersebut tidak memberikan perlindungan terhadap defendan pertama yang merupakan penunggang tanpa kebenaran ('unauthorised driver') defendan ketiga.

[10] Defendan walau bagaimanapun telah berhujah bahawa plaintif tidak boleh mengelak tanggungannya terhadap kemalangan yang berlaku atas penggunaan motosikal BJJ 5763 atas tiga alasan berkut:

(a) kemalangan telah berlaku pada 20 April 2011 dan pada tarikh tersebut polisi insurans No 11VKJ904372 tersebut masih beroperasi dan pada masa kemalangan penggunaan motosikal BBJ 5763 masih di dalam tempoh perlindungan polisi tersebut;

(b) terdapat perlepasan hak atau *waiver* oleh plaintif untuk mempertikaikan keesahan polisi tersebut kerana plaintif telah dimaklumkan oleh defendan mengenai niat defendan untuk membuat tuntutan insurans kemalangan di bawah s 96(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan apabila tuntutan sivil defendan difailkan di mahkamah sesyen, plaintif telahpun mewakili defendan ketiga. Justeru, plaintif telah dari awal lagi telah menunjukkan niatnya untuk menepati polisi tersebut; dan

(c) plaintif adalah terikat kepada *Motor Insurers's Bureau of West Malaysia (MIB) Agreement* iaitu perjanjian antara MIB dengan syarikat-syarikat insurans Malaysia ('perjanjian MIB') di mana di bawah perjanjian MIB ini, plaintif hanya terhenti sebagai pemberi insurans berkaitan (*insurer concerned*) walaupun terdapat penjualan motosikal apabila:

(i) terdapat insurans yang baru; atau

(ii) pemegang insurans sendiri telah membatalkan insurans tersebut.

[11] Adalah menjadi hujahan peguam defendan bahawa menurut perjanjian MIB ini, pihak plaintif sebagai syarikat penanggung insurans telah bersetuju untuk tidak menafikan perlindungan pihak ketiga atas alasan penukaran hakmilikan kenderaan tersebut. Menurut peguam defendan lagi, perjanjian MIB adalah suatu perjanjian istimewa antara kesemua pihak insurans (syarikat-syarikat insurans) dengan Kementerian Pengangkutan bagi melindungi hak mangsa kemalangan jalan raya bagi mereka yang terlibat dengan kenderaan yang tiada insurans kenderaan.

[12] Untuk menyokong hujahannya di dalam tanggungan plaintif atas kemalangan yang berlaku dengan berpaut kepada perjanjian MIB ini, peguam defendan telah merujuk kepada kes *AM General Insurance Bhd v Sharul Ahmad & Anor* [2015] 1 CLJ 532 yang memutuskan antara lain:

> The special agreement stipulated that the plaintiff was liable to satisfy the judgment obtained by the passenger in Singapore, ie, Zuraini, even though the policy did not

cover passenger liability. Further, the plaintiff's conduct in appointing the solicitor to defend the second defendant had waived its rights to deny liability on the policy. The plaintiff was thus liable to satisfy any judgment for damages or part thereof obtained by Zuraini in the Singapore suit against the second defendant. The second defendant was not in breach of the contract of insurance represented by the policy and the plaintiff was not entitled to an indemnity from the second defendant.

[13] Peguam defendan juga telah merujuk kepada klausa 1 perjanjian MIB yang memperuntukkan berikut:

Insurer concerned means the insurer who at time of the accident which give rise to ability required to be insured by compulsory insurance ...

An insurer is concerned within the meaning of this Agreement notwithstanding that:

There was a transfer of interest in the vehicle which the insurance purports to cover UNLESS:

(a) A subsequent insurance has been effected to cover OR

(b) The insurance was cancelled at the request of the policyholder ...

[14] Menurut peguam defendan lagi, melalui perjanjian MIB ini pihak plaintif sebagai syarikat insurans atau penanggung insurans (Insurer) hanyalah terhenti menjadi *insurer concerned* walaupun terdapat penjualan motosikal HANYA apabila dua situasi timbul yakni sama ada terdapatnya atau wujudnya insurans yang baru atau pemegang polisi insurans sendiri membatalkan insurans tersebut.

[15] Adalah menjadi hujahan peguam defendan bahawa alasan plaintif yang polisi insurans tersebut adalah *voidable*/boleh dibatalkan adalah pramatang dan tidak bersandarkan kepada alasan yang kukuh.

DAPATAN MAHKAMAH

[16] Plaintif di dalam menafikan atau mengelak liabiliti atau tanggungannya terhadap kemalangan yang berlaku kepada kenderaaan BBJ 5763 telah memohon kepada mahkamah ini satu deklarasi bagi mengelak tanggungannya menurut s 96 APJ.

[17] Adalah satu kedudukan undang-undang yang jelas bahawa hubungan atau pertalian pihak-pihak di dalam satu polisi insurans adalah hubungan kontraktual yang berlandaskan kontrak insurans yang dimasuki pihak-pihak. Namun di dalam perihal insurans bagi kenderaan, terdapat pengecualian di dalam doktrin *privity of contract* melalui undang-undang statutori iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ').

[18] Seksyen 96 APJ pada amnya memperuntukkan mengenai kewajipan penanggung insurans untuk menunaikan hukuman terhadap orang-orang yang mengambil insurans berkenaan dengan risiko pihak ketiga. Seksyen 96(1) APJ telah memperuntukkan bahawa apabila penanggung insurans mengeluarkan atau menyerahkan perakuan insurans di bawah sub-s (4), s 91 kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi yang telah dikuatkuasakan, maka penanggung insurans adalah bertanggungan terhadap apa-apa penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan (b) sub-s (1) s 91 (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma-terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu dan juga membayar kepada orang-orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.

[19] Namun, s 96(1) ini juga memperuntukkan bahawa penanggung insurans *berhak mengelak atau membatalkan*, atau telah pun *mengelak atau membatalkan polisi itu atas* jumlah wang kena dibayar oleh seseorang penanggung insurans yang dinyatakan di perenggan 15, di dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah s 96(2) APJ yakni:

(a) berkenaan dengan apa-apa penghakiman, melainkan sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya prosiding dalam mana penghakiman itu diberi, penanggung insurans itu telah mengetahui mengenai prosiding tersebut;

(b) berkenaan dengan apa-apa penghakiman, selagi perlaksanaannya digantungkan sementara menunggu rayuan; atau

(c) berkaitan dengan apa-apa liabiliti, jika sebelum berlakunya kejadian yang menjadi sebab kematian atau kecederaan tubuh badan yang menimbulkan liabiliti polisi itu dibatalkan dengan izin bersama atau menurut kuasa apa-apa peruntukan yang terkandung di dalamnya dan sama ada —

(i) sebelum berlakunya kejadian tersebut, perakuan itu telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkenaan menyatakan bahawa perakuan itu telah hilang atau musnah;

(ii) selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi sebelum habisnya tempoh empat belas hari dari berkuatkuasanya pembatalan polisi itu, perakuan tersebut telah diserahkan kepada penanggung insurans atau orang yang telah diserahkan perakuan itu telah membuat suatu akuan berkanun seperti yang tersebut dahulu; atau

(iii) sama ada sebelum atau selepas berlakunya kejadian tersebut, tetapi di dalam tempoh empat belas hari tersebut, penanggung insurans telah memulakan prosiding di bawah bahagian ini berkenaan dengan kegagalan menyerahkan perakuan.

[20] Manakala s 96(3) APJ pula memperuntukkan bahawa tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seorang penanggung insurans di bawah sub-s (1) jika, sebelum tarikh liabiliti ditanggung, penanggung insurans telah mengambil penetapan daripada mahkamah bahawa insurans itu tak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan. Namun, hak untuk mendapat penetapan Mahkamah ini adalah dengan syarat bahawa seorang penanggung insurans yang telah memperolehi sesuatu penetapan seperti yang tersebut dahulu dalam sesuatu tindakan adalah tidak berhak mendapatkan faedah subseksyen ini berkenaan dengan apa-apa penghakiman yang diperolehi dalam prosiding yang dimulakan sebelum bermulanya tindakan itu melainkan, sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya tindakan itu, dia telah diberi notis mengenainya kepada orang yang menjadi plaintif dalam prosiding tersebut menyatakan apa-apa alasan-alasan yang mana dia bercadang untuk mengasaskan, dan mana-mana orang yang diberi notis mengenai tindakan itu adalah berhak jika difikirkannya patut menjadi pihak kepada tindakan tersebut.

[21] Plaintif di hadapan mahkamah ini walaupun telah mengeluarkan polisi insurans tersebut terhadap motosikal BBJ 5763 bagi tempoh 9 Februari 2011 hingga 8 Februari 2012 telah menafikan kebertanggungannya atas kemalangan yang berlaku pada 20 April 2011 di antara defendan pertama (Mohd Fauzi bin Abdul Manaf @ Wahi) dan defendan atas alasan bahawa pemegang insurans atau orang yang diinsuranskan adalah defendan ketiga (Johaidey Nasution bin Johan). Pada masa polisi dikeluarkan defendan ketiga telah tidak memaklumkan kepada plaintif bahawa motosikal tersebut telahpun dijualnya kepada defendan pertama pada tahun 2010 lagi. Penjualan motosikal tersebut hanya diketahui oleh plaintif apabila adjusters menjalankan siasatan atas kemalangan tersebut.

[22] Di dalam siasatan oleh adjusters, defendan ketiga (pemegang insurans) sendiri tidak mengetahui mengenai kemalangan tersebut dan telah hanya mengetahui mengenai kemalangan berlaku pada bulan September 2013 apabila beliau menerima satu surat daripada plaintif. Defendan ketiga telah mengakui bahawa beliau telah menjual motosikal tersebut kepada kawannya iaitu defendan pertama antara pada sekitar tahun 2009 atau tahun 2010. Menurut beliau walaupun penjualan telah berlaku pada tahun 2009 atau 2010, hak milik motosikal tersebut hanya ditukar kepada Fauzi pada bulan Oktober tahun 2011. Motosikal ini kemudiannya telah dijual oleh defendan pertama kepada Kedai Motor Kian Huat pada sekitar bulan Oktober 2011.

Penyataan-penyataan ini adalah jelas di dalam surat-surat pengakuan defendan pertama dan defendan ketiga seperti di Eksh F (Laporan Penyelaras bertarikh 30 Disember 2013). Untuk lebih jelas kedua-dua Surat Pengakuan diperturunkan:

SURAT PENGAKUAN

Saya, Mohd Fauzi Bin Abdul Manaf Wahi, berumur 34 tahun (No. Kad Pengenalan: 791031-01-5939) dan Warganegara Malaysia dan menetap di No. 47-09-05, Menara Orkid, Jalan 3/48A, Bandar Baru Sentul, 51000, Sentul, Kuala Lumpur dengan suci hati dan ikhlas mengisytiharkan seperti berikut:-

1 Saya seperti nama di atas telah membeli motosikal, jenis Honda Wave 125, bernombor BJJ 5763 milik rakan sekerja saya, En. Johaidey Nasution Bin Johan (No. Kad Pengenalan: 731008-14-5685) pada sekitar 2010 dengan harga RM2,000.00 secara tunai tanpa sebarang perjanjian bertulis.

2 Semasa membeli motosikal tersebut, saya tidak menukar nama pemilik kerana ingin menunggu sehingga cukai jalan dan insurans tamat tempoh.

3 Pada 20/04/2011, saya telah terlibat dalam kemalangan semasa memandu motosikal No. BJJ 5763 di Lorong motosikal, Lebuhraya Persekutuan dan saya telah membuat satu report polis No. K013216/2011 di Balai Polis Traffik Petaling Jaya.

4 Hanya pada sekitar 2011, saya telah membawa Encik Johaidey Nasution bin Johan ke Kedai Motor Kian Huat, Padang Jawa, Selangor di mana Encik Johaidey Nasution bin Johan telah menandatangani borang tukar nama pemilik dan saya terus menjual motosikal tersebut kepada Kedai Motor Kian Huat.

5 Dan saya dengan suci hati mengisytiharkan dengan kesedaran mempercayai perkara yang tersebut di atas adalah benar mengikut peruntukan Akta Pengakuan Sumpah 1960 ...

SURAT PENGAKUAN

Saya, Johaidey Nasution bin Johan, berumur 40 tahun (No. Kad Pengenalan: 731008-14-5685) dan Warganegara Malaysia dan menetap di No. 2-1-14, Pangsapuri Seri Nuang 2, Jalan Gunung Nuang U11/37, Bukit Bandaraya Seksyen U11, 40170, Shah Alam dengan suci hati dan ikhlas mengisytiharkan seperti berikut:-

1 Saya seperti nama di atas adalah pemilik berdaftar motosikal, jenis Honda Wave 125, bernombor BJJ 5763 pada tarikh 20/04/2011.

2 Pada sekitar tahun 2010, saya telah menjual motosikal saya bernombor BJJ 5763 kepada rakan sekerja saya, Encik Mohd Fauzi bin Abdul Manaf Wahi (No. Kad Pengenalan: 791031-01-5939) dengan harga RM2,000.00 secara tunai tanpa sebarang perjanjian bertulis.

3 Semasa menjual motosikal tersebut, saya tidak menukar nama pemilik

kerana pemilik baru, En. Mohd Fauzi bin Abdul Manaf Wahi ingin menunggu sehingga cukai jalan dan insurans untuk tamat tempoh. Saya hanya menandatangani borang tukar nama pemilik pada sekitar Oktober 2011.

4 Saya dengan ini, mengisytiharkan bahawa saya tidak menyedar dan mengetahui tentang kemalangan tersebut pada tarikh 20/04/2011, motosikal, No. BJJ 5763 tidak ada di dalam simpanan saya.

5 Saya hanya mengetahui tentang kemalangan tersebut pada September 2013 apabila menerima surat daripada Tetuan Allianz General Insurance Company (M) Berhad.

Dengan saya dengan suci hati mengisytiharkan dengan kesedaran mempercayai perkara yang tersebut di atas adalah benar mengikut peruntukan Akta Pengakuan Sumpah 1960 ...

[23] Di dalam hal ini, mahkamah ini merujuk kepada peruntukan s 91(1)(b) APJ yang memperuntukkan berikut:

(b) menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan:

[24] Undang-undang mengenai polisi insurans yang diambil bagi sesuatu kenderaaan adalah jelas. Bagi maksud sesuatu polisi insurans bagi mana-mana kenderaan, s 91(1)(b) APJ memperuntukkan bahawa sesuatu polisi insurans mestilah yang dikeluarkan oleh penanggung insurans yang menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang yang sebagaimana yang dinyatakan dalam polisi itu 'persons or class of persons as may be specified in the policy'.

[25] Polisi yang dikeluarkan oleh plaintif kepada defendan ketiga adalah dengan jelas menyatakan bahawa polisi berkenaan hanya melindungi 'any other persons who is driving on the policyholder's order or with their permission' dan 'Use only for social, domestic and pleasure purposes and by the Policyholder in person in connection with his business'.

[26] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan plaintif di dalam kes ini bahawa polisi insurans yang dikeluarkan oleh plaintif sebagai penanggung insurans dan defendan ketiga iaitu pihak yang diinsuranskan adalah satu kontrak persendirian yang nyata tidak boleh dipindahmilik dan/atau diganti nama. Ini jelas berdasarkan autoriti-autoriti yang dirujuk oleh peguam plaintif (sila lihat (a) *Peters v General Accident & Life Insurance Corpn Ltd* [1937] 4 All ER 628; (b) *New India Assurance Co LTD v Simirah* [1966] 2 MLJ 1; (c) *Roslan bin Abdullah v New Zealand Insurance Co Ltd* [1981] 2 MLJ 324; dan *Kurnia*

A *Insurans (Malaysia) Berhad v Personal Representative of Zenol Saad & Ors* [2013] 1 LNS 239).

[27] Di sini, adalah jelas bahawa defendan ketiga di dalam surat pengakuannya mengaku telah menjual motosikal tersebut kepada defendan pertama dan telah juga mengaku bahawa tidak memaklumkan fakta ini kepada plaintif. Malahan beliau telah mengaku telah tidak menukar nama pemilik motosikal tersebut kepada nama pemilik baru kerana defendan pertama sebagai pembeli ingin menunggu cukai jalan dan polisi insurans tamat tempoh.

[28] Memetik apa yang diputuskan di dalam kes *Peters v General Accident & Life Insurance Corpn Ltd* [1937] 4 All ER 628 apabila seorang tuan punya kereta menjual keretanya, polisi insurans secara automatik telah luput kuatkuasanya dan tidak lagi boleh dikuatkuasakan. Undang-undang berkenaan polisi insurans di dalam hal penjualan mana-mana kenderaan adalah jelas dan jitu.

[29] Atas alasan ini sahaja, mahkamah ini berpandangan bahawa plaintif adalah berhak mendapat deklarasi yang dipohon.

[30] Peguam defendan telah berusaha untuk menyakinkan mahkamah atas kebertanggungan plaintif dengan cuba bersandarkan kepada perjanjian MIB yang mana telah dihujahkan bahawa plaintif adalah insurer concerned di dalam klausa 1 (iv) yang dibacakan seperti berikut:

> Insurer Concerned means the Insurer who at the time of the accident which gave rise to a liability required to be insured by the Compulsory Insurance Legislation was providing in insurance against such liability in respect of the vehicle arising out of the use of which the liability of the Judgment Debtor was incurred. An insurer is concerned within the meaning of this Agreement notwithstanding that—
>
> (i) ...
>
> (ii) ...
>
> (iii) ...
>
> (iv) ...
>
> (v) ...
>
> (vi) there was a transfer of interest in the vehicle which the insurance purports to cover unless:
>
> (a) subsequent insurance has been effected to cover the vehicle, OR
>
> (b) the insurance was cancelled, at the request of the policy-holder. Strictly in accordance with the provisions of the Road Transport Act ...

[31] Mahkamah ini sedar kewujudan perjanjian MIB ini dan perjanjian MIB ini adalah satu perjanjian dalaman (Domestic MIB Agreement/Memorandum of Agreement) di antara MIB dan syarikat-syarikat insurans Malaysia. Namun penelitian mahkamah atas perjanjian MIB ini, 'Insurer Concerned' di dalam perjanjian MIB telah ditakrifkan seperti berikut:

> *'Insurer Concerned' means the Insurer who at the time of the accident which gave rise to a liability required to be insured by the Compulsory Insurance Legislation* was providing an insurance against such liability in respect of the vehicle arising out of the use which the liability of the judgment debtor was incurred.

[32] Dalam erti kata lain, penanggung insurans berkaitan bermaksud penanggung insurans pada masa kemalangan yang menimbulkan atau menyebabkan kepada satu tanggungan yang diinsurankan oleh undang-undang insurans (Compulsory Insurance Legislation).

Tetapi di dalam kes ini, pihak plaintif apabila mengetahui bahawa motosikal BJJ 5763 telah dijual tanpa pengetahuannya, telah membuat permohonan ke mahkamah ini untuk mengelak atau menafikan liabilitinya menurut undang-undang.

[33] Di dalam kes ini, mahkamah ini berpandangan bahawa plaintif tidak boleh diletakkan tanggungan atau liabiliti dalam kes tuntutan kecederaan diri yang dialami defendan kerana polisi insurans yang dikeluarkan adalah kepada defendan ketiga secara peribadi (personal) yakni pemegang polisi dan bukannya defendan pertama yang telah membeli motosikal BBJ 7653 daripada defendan ketiga sejak tahun 2009 atau 2010, (sila lihat *New India Assurance Co LTD v Simirah* [1966] 2 MLJ 1).

[34] Di samping itu, di dalam perjanjian MIB itu sendiri terdapat *Circular Resolution* bertarikh 6 Jun 1994 yang telah memasukkan kriteria-kriteria seperti berikut:

> A. CRITERIA FOR INSURER CONCERNED CLAIMS TO BE UNDERTAKEN BY *MIB*
>
> 3. PROOF FOR TRANSFER OF INTEREST CASE
>
> (a) To prove transfer of interest, an insurer *MUST* provide the following to the Bureau:-
>
> (i) Statutory declaration of the insured affirming the sale of the vehicle prior to the accident;
>
> *AND*
>
> (ii) sale and purchase agreement or any proof of sale (e.g. receipt for down payment or full payment) confirming the transaction prior to the accident.

OR

(i) statutory declaration of the insured affirming the sale of the vehicle prior to the accident;

AND

(ii) statutory declaration of the buyer and/ or subsequent buyers confirming the transaction prior to the accident.

UNLESS BOTH criterion in either of the above instances are provided, the claim remains the responsibility of the insurer to handle.

(b) Police reports lodged by the insured and/or buyer on the alleged transaction may also be provided to the Bureau, if available.

(c) ...

4. *CUT-OFF DATE FOR TRANSFER OF INTEREST CASE TO BE UNDERTAKEN BY MIB*

(a) Claims arising from accidents occurring on 1.1.1992 and thereafter involving transfer of interest can be referred to the Bureau immediately upon ratification of the amendments to the Domestic Agreement by members.

[35] Di dalam hal ini, daripada kriteria yang dinyatakan di atas adalah jelas bahawa MIB telah bersetuju bahawa sekiranya terdapat sebarang pemindahan kepentingan ('transfer of interest') apabila kenderaan yang diinsuranskan oleh plaintif telah dijual, plaintif boleh merujuk perkara ini kepada MIB dan/atau MIB akan mengambil alih kes ini daripada pihak insurans.

[36] Di dalam kes ini, telah jelas dibuktikan oleh plaintiff melalui laporan oleh adjusters atas kemalangan dan surat-surat pengakuan oleh defendan ketiga dan defendan pertama bahawa motosikal itu telahpun dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama sebelum kemalangan berlaku dan plaintif langsung tidak mengetahui transaksi ini sehingga kes tuntutan kemalangan difailkan di mahkamah sesyen dan satu penyiasatan dijalankan oleh plaintif. Di dalam hal ini, makanya, apabila kenderaan yang diinsuranskan oleh plaintif bagi kepentingan defendan ketiga telah dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama, plaintif bukanlah lagi 'insurer concerned', atas sebab polisi insurans adalah peribadi (personal) kepada pemegang polisi iaitu defendan ketiga dan defendan pertama tidak boleh mendapat sebarang keuntungan atau kepentingan dalam polisi insurans yang dikeluarkan kepada defendan ketiga oleh plaintif.

[37] Justeru, di dalam kes ini, plaintif sebagai penginsurans defendan ketiga hanya bertanggungjawab untuk menginsurans defendan ketiga sahaja, dan penunggang yang dibenarkan sahaja yang menunggang 'on the policyholder's

order or with their permission' dan digunakan 'only for social, domestic and pleasure purposes and by the policyholder in person in connection with his business'.

[38] Di dalam kes ini, motosikal yang diinsuranskan oleh plaintif telah ditunggang oleh seorang yang tidak mendapat kebenaran (non-authorised driver) dan oleh itu, plaintif sebagai penginsurans defendan ketiga tidak mempunyai apa-apa tanggungan kerana defendan ketiga tidak bertanggungan dalam kejadian kemalangan dengan defendan memandangkan motosikal tersebut telah dijual oleh defendan ketiga kepada defendan pertama sebelum kemalangan tersebut berlaku.

[39] Di dalam hal liabiliti atau tanggungan ini, mahkamah ini tidak boleh lari dari merujuk kembali kepada peruntukan s 96(1) APJ berkenaan 'judgment in respect of any such liability' sebelum pihak plaintif boleh didapati bertanggungan. Takrifan perkataan liabiliti 'liability' atau tanggungan ini telahpun dinyatakan dengan jelas oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Malaysia National Insurance Sdn Bhd v Lim Tiok* [1997] 2 CLJ 351 seperti berikut:

> It is therefore not unfair to say that 'liability' in law, unless the context otherwise requires, means a duty owed to another enforceable by sanctions. However, when used in the context of *liability insurance ordinarily means liability to pay a definite sum imposed by a final judgment against an insured or by an award or a settlement by way of an agreement.* (Penekanan ditambah).

[40] Justeru, telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa liabiliti yang ditanggung oleh penanggung insurans adalah tanggungan membayar jumlah yang dikenakan oleh penghakiman terhadap orang yang dinsuranskan atau awad ataupun perjanjian penyelesaian. Di dalam kes ini, plaintif telah menafikan liabilitinya dengan pemfailan permohonan ini untuk mendapat penetapan mahkamah atas ketidakbertanggungannnya atas apa-apa tuntutan kecederaan yang dialami oleh defendan atas kemalangan yang berlaku antara motosikal yang ditunggangnya dan motosikal BBJ 5763 kerana defendan pertama ataupun defendan kedua bukanlah orang yang telah dinsurans di dalam polisi tersebut dan tunggangan motosikal BBJ 5763 oleh defendan pertama tidaklah dengan kebenaran defendan ketiga. Defendan ketiga sebagai pemegang polisi tidaklah bertanggungan secara vikarius terhadap defendan pertama yang menunggang motosikal tersebut apabila kemalangan berlaku. Di dalam kes ini, adalah dapatan mahkamah ini bahawa tidak ada liabiliti wujud ke atas defendan ketiga untuk ditanggung oleh plaintif.

[41] Mahkamah ini suka merujuk kes *Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v Queensland Insurance Co Ltd* [1975] 1 MLJ 269 yang dirujuk oleh peguam plaintif. Mahkamah di dalam kes *Ahmad Sandara Lela Putra* telah

memutuskan bahawa pihak insurans tidak bertanggungan terhadap liabiliti yang mungkin diperolehi terhadap non-authorised driver seperti defendan pertama. Di dalam kes *Ahmad Sandara Lela Putra ini*, Ajaib Singh H telah merujuk kepada peruntukan s 80(1) Road Traffic Ordinance 1958 yang sama dengan peruntukan s 96(1) APJ. Antara lain telah diputuskan oleh Ajaib Singh H di ms 270 seperti berikut:

> The plaintiff claim against the defendant company must fail. A policy of insurance in respect of a motor vehicle is a contractual agreement between the parties concerned and subject to the statutory provisions in Part IV of the Road Traffic Ordinance 1958, relating to compulsory insurance against third party risks, the parties are absolutely free to decide on the terms and conditions that they wish to incorporate in the policy provided that those terms and conditions are not otherwise illegal or contrary to law. Section 79 of the Road Traffic Ordinance contains a list of restrictions which can have no application on the scope of policies relating to third party risks but a stipulation restricting the driving of a vehicle to the insured himself is not one of the matters listed therein. In the present case the insured and the defendant company were in no way infringing any provision in the Road Traffic Ordinance by agreeing between themselves that the defendant company should not be liable in respect of any accident while the motor cycle was being driven by any person other than the insured himself. At the time of the accident the motor cycle was being driven not by the insured but by some other person and, therefore, as the motor cycle was being used outside the limits of the policy the defendant company was well within its right in repudiating liability. The defendant company was not under any risk in respect of the motor cycle within the terms and conditions of the policy at the time of the accident so that the judgment which the plaintiffs obtained against the insured was not a judgment in respect of a liability covered by the terms of the policy within the meaning of Section 80(1) of the Road Traffic Ordinance, 1958.

[42] Di dalam kes ini mahkamah ini juga membawa perhatiannya kepada s 96(2)(a) APJ. Seksyen 96(2)(a) APJ memperuntukkan bahawa:

> Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1)—
>
> berkenaan dengan apa-apa penghakiman, *melainkan sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya prosiding yang penghakiman itu diberi, penanggung insurans itu telah mengetahui mengenai prosiding tersebut;* ... (Penekanan ditambah.)

[43] Di dalam kes ini, apabila dibaca perenggan 4 afidavit sokongan Sufaizah Abd Shukor yang diikarkan pada 9 Januari 2014 (kandungan 3), perenggan 4 ini telah menyatakan bahawa pihak plaintif telah hanya diserahkan dengan notis statutori menurut s 96(2) APJ *pada Ogos 2013 (Eksh—A kandungan 2). Penyerahan notis statutori kepada plaintif telah hanya dibuat pada bulan Ogos 2013* ini telah tidak disangkal oleh defendan malah ianya diakui di perenggan 5 afidavit sokongan Roslinda Yahya yang diikrarkan pada 3 Mac 2014 (kandungan 5) yang difailkan bagi menyokong permohonan defendan untuk

dijadikan pihak di dalam prosiding ini.

[44] Di perenggan 5 kandungan 3, telah dinyatakan bahawa tuntutan sivil di mahkamah sesyen tersebut telah difailkan pada bulan Jun 2013 iaitu sebelum notis statutori diberikan kepada pihak plaintif dan fakta ini tidak disangkal oleh pihak defendan pun. Di dalam hal ini, mahkamah ini berpandangan bahawa s 96(2) APJ adalah terpakai dan pihak plaintif tidak boleh dikehendaki menanggung liabiliti untuk penghakiman dalam tuntutan sivil tersebut kerana pihak plaintif tidak memperolehi notis statutori daripada pihak defendan tujuh (7) hari sebelum atau selepas tuntutan sivil tersebut dimulakan.

[45] Mahkamah ini merujuk kepada keputusan Low Hop Bing H (YA ketika itu) di dalam kes *Malaysia & Nippon Insurans Bhd v Low Buck Ngoh & Anor* [2005] 5 MLJ 779; [2005] 7 CLJ 11. Low Hop Bing H di dalam kes *Malaysia & Nippon Insurans Bhd* telah memutuskan antara lain bahawa:

> It is significant to note that s 96(2)(a) specifically creates an exception unless the insurer had notice of the proceedings.

[46] Pandangan yang sama boleh dilihat kepada keputusan Vincent Ng H (YA ketika itu) di dalam kes *Badruzamani bin Azmi v Kurnia Insurans (M) Bhd* [2001] 6 MLJ 481 di ms 490 [2001] 4 CLJ 280 di ms 288 yang menyatakan antara lain:

> Thus, the insurers have a statutory right to be informed of the proceedings right from its inception. Should the plaintiffs fail to give notice of the judgment to the insurers, the insurers need not heed the court's judgment.

[47] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini telah membenarkan kandungan 1 plaintif dengan kos. Mahkamah ini juga telah mengarahkan defendan membayar kos permohonan ini kepada plaintif sebanyak RM2000.

Permohonan dibenarkan dengan kos sebanyak RM2000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad